

Singapura Hantar Lebih Banyak Pesawat, Kapal Cari Pesawat MAS Yang Hilang
Bername
9 Mac, 2014

SINGAPURA, 9 Mac (Bernama) -- Angkatan Tentera Singapura (SAF) menghantar aset-aset tambahan untuk membantu dalam operasi mencari dan mengesan pesawat Malaysia Airlines (MAS) yang hilang ketika dalam penerbangan ke Beijing.

Usaha itu termasuk menghantar dua lagi pesawat C-130 Tentera Udara Republik Singapura (RSAF), kapal frigat Kelas Formidable Tentera Laut Republik Singapura (RSS Steadfast) yang dilengkapi helikopter Sikorsky S-70B, kapal selam dan kapal sokongan dan penyelamat bersama penyelam serta kapal Corvette bersenjatakan peluru berpandu, RSS Cigour.

Pesawat C-130 RSAF pertama yang dihantar pada Sabtu telah kembali ke Singapura malam tadi, menurut Kementerian Pertahanan dalam kenyataan di sini Ahad.

Kenyataan itu menyebut aset-aset tambahan itu dihantar selepas Menteri Pertahanan Ng Eng Hen menawarkannya kepada rakan sejawatan beliau dari Malaysia, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein, pada Sabtu.

Penerbangan MH370 MAS, yang membawa 227 penumpang termasuk dua bayi, dan 12 anak kapal, hilang daripada radar, kira-kira dua jam setelah berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur menuju ke Beijing, China pada pukul 12.41 pagi Sabtu.

Pesawat itu sepatutnya mendarat di Beijing pukul 6.30 pagi.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1020510>